

## **Pelaksanaan Kursus Latihan Program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) di Kolej Komuniti: Satu Sorotan**

**Mohd Rashidi Omar<sup>1</sup>, Azmil Hashim<sup>2</sup>, Muhammad Zulazizi Mohd Naw<sup>2\*</sup>**

<sup>1</sup>Kolej Komuniti Chenderoh,  
33000 Kuala Kangsar, Perak, MALAYSIA

<sup>2</sup> Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA

\*Corresponding Author

DOI: <https://doi.org/10.30880/ahcs.2023.04.01.001>

Received 1 August 2022; Accepted 23 April 2023; Available online 30 June 2023

**Abstrak:** Pendidikan yang seimbang perlu merangkumi pendidikan Islam. Keperluan ini wujud bagi memartabatkan modal insan yang mapan dalam aspek kerohanian dan keperibadian seperti mana yang telah digariskan dalam al-Quran supaya generasi seterusnya mampu menjadi pemangkin terhadap kemajuan negara dan membuka peluang kepada semua lapisan masyarakat untuk terus mengembeling ilmu pengetahuan yang berteraskan pendidikan Islam agar selaras dengan peredaran zaman. Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) adalah salah satu inisiatif Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) yang menyediakan pelbagai pakej latihan termasuklah kemahiran berbentuk teknikal, vokasional dan keusahawan sebagai modus pembelajaran terhadap komuniti. Oleh sebab itulah, kajian ini telah dilakukan secara konseptual tentang pelaksanaan latihan program PISH yang telah dijalankan di kolej komuniti. Untuk memenuhi tuntutan tujuan kajian, kajian ini dilakukan dengan menggunakan metode kepustakaan yang terdiri daripada sumber sekunder seperti artikel jurnal, buku, tesis, akhbar dan sebagainya. Kajian ini mendapati, program PISH bukan sahaja telah melestarikan pemerksaan budaya ilmu dalam kalangan masyarakat malah ia juga berjaya memperkukuhkan nilai keagamaan dan jati diri masyarakat melalui Pendidikan Islam secara berterusan. Justeru, penemuan kertas kerja ini diharapkan mampu menyumbangkan serba sedikit maklumat mengenai PISH kepada masyarakat Malaysia agar lebih produktif, berintelektual, efisien dan berguna kepada negara kelak.

**Kata kunci:** Pelaksanaan, PISH, Masyarakat Malaysia


**Abstract:** Balanced education should include Islamic education. This need exists to uphold the sustainable human capital in terms of spirituality and personality as highlighted in the Quran so that the next generation can be a catalyst for national

progress and open opportunities for all walks of life to continue to train knowledge based on Islamic education to be consistent with the passage of time. Lifelong Islamic Education (PISH) is one of the Lifelong Learning (PSH) initiatives that provides various training packages including technical, vocational and entrepreneurial skills as a mode of learning for the community. For this reason, this study has been done conceptually on the implementation of PISH training that have been conducted in community colleges. To meet the demands of the purpose of the study, this study was conducted using librarian methods consisting of secondary sources such as journal articles, books, theses, newspapers and so on. This study found that the PISH program has not only preserved the empowerment of knowledge culture among the community but it has also succeeded in strengthening the religious values and identity of the community through Islamic Education continuously. Therefore, the discovery of this paper is expected to be able to contribute a little bit of information about PISH to the Malaysian community to be more productive, intellectual, efficient and useful to the country in the future.

**Keywords:** Implementation, PISH, Malaysian Societies

## 1. PENGENALAN


Pembelajaran Sepanjang Hayat telah menjadi satu agenda global untuk menghadapi pelbagai cabaran yang mendatang. Pembudayaan PSH dimantapkan di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) di bawah lonjakan ketiga iaitu “Menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat”. PSH merupakan saluran pembelajaran sepanjang hidup utama bagi seseorang individu, bertepatan dengan sistem pendidikan negara di peringkat pra sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, pra universiti dan seterusnya pengajian tinggi. Umumnya, Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) merujuk kepada segala aktiviti pembelajaran yang dilakukan sepanjang hayat berdasarkan pentakrifan oleh Suruhanjaya Eropah. Manakala The National Organization for Economic Co-operation and Development (OECD) yang terdiri daripada 34 buah negara mentakrifkan PSH sebagai semua jenis aktiviti pembelajaran tanpa mengira had umur. Berdasarkan Pelan Induk Pembudayaan Pembelajaran Sepanjang Hayat, PSH didefinisikan sebagai pembelajaran yang melibatkan mereka yang berumur 15 tahun ke atas tanpa mengambil kira pelajar mengikuti kursus rasmi di sekolah, kolej atau universiti bagi mendapatkan kelayakan akademik atau kemahiran. Dalam Pelan Induk Pembudayaan Pembelajaran Sepanjang Hayat 2011-2020, PSH disebut sebagai tiang ketiga yang penting selepas pendidikan asas dan pendidikan tinggi di Malaysia.



**Rajah 1: Kedudukan Pembelajaran Sepanjang Hayat dalam Sistem Pendidikan Negara**

Sumber: Kementerian Pendidikan Tinggi. (2017)

Pendidikan Islam Sepanjang Hayat pula merupakan satu landasan untuk memberi ruang dalam peningkatan kerjaya dan kepuasan menimba ilmu duniawi dan ukhrawi agar dapat menghasilkan insan serba lengkap bagi menghadapi dunia penuh cabaran yang bersifat global. Pembangunan Pelan Induk PISH yang digubal merupakan satu usaha bagi memastikan pelajar tahfiz dan pondok mendapat ilmu kemahiran dan keusahawanan di samping memastikan kesinambungan pendidikan Islam diberikan kepada setiap lapisan masyarakat. Pelan induk yang disediakan melalui medium pendidikan formal, tidak formal ini mengukuhkan lonjakan 3: “Menghayati pembelajaran sepanjang hayat” dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025. Melalui kesepaduan ilmu dunia dan akhirat, maka akan lahir sumber manusia yang seimbang dan holistik, seiring dengan tuntutan ajaran Islam serta mampu menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara [2]



**Rajah 2: Pelan Induk Pendidikan Islam Sepanjang Hayat**

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia (2015)

## Kriteria Program Pembelajaran Sepanjang Hayat

Pelaksanaan Program PSH di kolej komuniti merujuk kepada beberapa perkara penting yang perlu diberikan perhatian seperti Jadual 1 berikut:

**Jadual 1 :** Kriteria Program Pembelajaran Sepanjang Hayat

PERKARA	KETERANGAN
	Warganegara Malaysia
	Individu atau kumpulan yang terdiri daripada komuniti yang berumur 15 tahun ke atas seperti :
Peserta	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pelajar Sekolah Menengah</li> <li>ii. Pelajar Tahfiz / Pondok</li> <li>iii. Pelajar Lulusan Sekolah / IPT</li> <li>iv. OKU (Orang Kelainan Upaya)</li> <li>v. Belia</li> <li>vi. Warga Emas</li> <li>vii. Suri Rumah</li> <li>viii. Pekerja Industri</li> <li>ix. Ahli Kumpulan Profesional, Eksekutif dan Pengurus</li> <li>x. Warga Institusi Pendidikan</li> <li>xi. Warga Jabatan dan Agensi Kerajaan</li> <li>xii. Ahli Badan Bukan Kerajaan (NGO)</li> </ul>
Yuran Kursus	<p>Latihan Khas Akaun Amanah (LKA): Bergantung kepada pakej modul dan kursus.</p> <p>Selain LKA: RM 1.00 /jam dan direkod sebagai hasil kerajaan minimum pelaksanaan 5 jam.</p>
Masa / Tempoh	Masa kursus adalah fleksibel yang boleh dilaksanakan pada hujung minggu, hari bekerja, kelepasan am dan cuti akademik. Tempoh minimum berkursus adalah lima jam dan maksimum tidak melebihi enam bulan.
Tempat / Fasiliti	Tempat kursus juga adalah fleksibel sama ada di premis kolej atau di luar kolej mengikut kesesuaian, keperluan dan permintaan peserta serta bergantung kepada kemudahan dan peralatan yang diperlukan. Sewaan boleh dibuat mengikut keperluan.
Kos Bahan	Bayaran untuk bahan kursus adalah mengikut kategori kursus yang diikuti.

Pensyarah/ Penceramah Sambilan Bayaran Saguhati)	(Kadar LKA atau selain LKA telah ditetapkan seperti dalam Buku Panduan Pelaksanaan PSH Edisi 2017.
---	---

---

Sumber: Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti. (2017).

## 2. SOROTAN KAJIAN LEPAS

Banyak kajian telah dijalankan mengenai pelaksanaan latihan dan program yang dilakukan oleh sesuatu organisasi sama ada dalam atau pun luar negara. Hal ini kerana program latihan merupakan salah satu alternatif dalam melahirkan pelatih dan tenaga kerja yang cekap, berpengetahuan dan berkemahiran. Keberkesanan latihan merujuk kepada pencapaian pelatih terhadap matlamat yang dirancang dan dalam masa yang sama mencapai objektif latihan (Siti Norbaini Abdul Halim, 2015). Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Abd Ghafar Don et. al (2015) terhadap penilaian pelaksanaan dan keberkesanan kursus pusat latihan pengurusan pendidikan Islam di Institut Latihan dan Dakwah Selangor (ILDAS) ke atas 600 peserta dalam kalangan guru-guru Pendidikan Islam di negeri Selangor menunjukkan tujuan dan matlamat kursus tercapai iaitu untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran [4]. Tahap penilaian peserta terhadap kursus yang ditawarkan dan dilaksanakan berada pada tahap tinggi iaitu antara 4.025 hingga 4.123 secara keseluruhannya di mana interpretasi skor min tahap tinggi yang menjadi indikator penilaian kajian tersebut ialah antara 3.67 hingga 5.00. Sehubungan dengan itu, Thilagavathi et. al (2015), dalam kajiannya mengenai tahap kepuasan peserta kursus pendek di Kolej Komuniti Lahad Datu (KKLD) mendapati bahawa komuniti Lahad Datu mengetahui tentang kewujudan KKLD dan kursus pendek anjurannya [5]. Pandangan peserta terhadap kursus anjuran KKLD dapat menambah kemahiran dan ilmu pengetahuan dan penyampaian isi kandungan mencapai objektif serta kandungan kursus teratur. Walau bagaimanapun masa dan tempoh dinyatakan dalam kajian tersebut adalah mencukupi namun minnya adalah yang paling rendah. Ini menunjukkan bahawa peserta mengharapkan masa yang diperuntukkan perlu ditambah dan disesuaikan dengan kursus-kursus yang dianjurkan.

Seterusnya, Adi Faiz Ramlan et. al (2015), dalam kajian mereka terhadap pelaksanaan kursus pendek di Kolej Komuniti Betong mendapati bahawa peserta lebih cenderung memohon kursus secara manual dan jenis kursus yang diminati adalah kursus yang berkaitan dengan keperluan seharian [6]. Dapatan kajian menjelaskan kaedah pengajaran terbaik perlu dilaksanakan oleh tenaga pengajar, ini kerana peserta kursus yang terdiri daripada pelbagai lapisan umur, tahap pendidikan dan latar belakang yang berbeza. Peserta dilihat lebih cenderung kepada pengajaran berpusatkan pelajar dan bahan. Antara teknik yang disukai adalah demonstrasi dan kerja berkumpulan. Pensyarah kursus perlu mengetahui persepsi peserta terhadap kursus yang dilaksanakan agar dapat memperbaiki mutu dan kualiti pengajaran kursus. Di samping itu, Liu Tse Hui et. al (2015) dalam kajian mereka terhadap pelaksanaan dan keberkesanan kursus pendek bermodular yang dilaksanakan di Kolej Komuniti Mas Gading Sarawak mendapati bahawa pelatih mempunyai persepsi yang baik terhadap pelaksanaan dan keberkesanan kursus yang dijalankan [7]. Antara elemen yang penting dalam meningkatkan pelaksanaan dan keberkesanan kursus adalah fleksibiliti, peranan pengajar, motivasi, keusahawanan, peralatan, masa kursus, tindakan susulan dan maklum balas serta model latihan yang sistematik. Peranan pengajar adalah faktor utama dalam menentukan pelaksanaan dan keberkesanan kursus [8]

Tambahan pula, Abd Rahman Abdul Ghani (2014) turut menjalankan kajian mengenai pelaksanaan dan keberkesanan program pusat Islam dan perbandingan antara Universiti Pendidikan Sultan Idris dan

Universiti Kebangsaan Malaysia [9]. Kajian ini melibatkan 100 responden yang terdiri daripada 50 orang mahasiswa UPSI dan 50 mahasiswa UKM yang bertujuan untuk melihat pelaksanaan dan keberkesanan perjalanan program keagamaan dan kemasyarakatan yang dijalankan di pusat Islam di UPSI dan UKM. Hasil kajian mendapati terdapat perbezaan pelaksanaan dan keberkesanan antara pendekatan yang digunakan oleh Pusat Islam UPSI berbanding Pusat Islam UKM. Selain itu, Siti Norbaini Abdul Halim (2015) melalui kajiannya mengenai faktor-faktor kegagalan latihan dalam organisasi [10]. Kajian ini bertujuan mengkaji faktor-faktor yang sering menyebabkan berlakunya kegagalan latihan, kesan daripada kegagalan latihan dan cara untuk mengatasi kegagalan latihan dalam organisasi. Hasil kajian mendapati majoriti responden menyatakan bahawa faktor-faktor yang menyebabkan kegagalan latihan berpunca daripada tiga pihak yang penting iaitu pelatih, pihak organisasi dan juga jurulatih.

Menurut Mohd Faizal Mohd Isa et. al (2013) dalam kajiannya menyatakan bahawa, antara faktor yang menjadi penentu kepada pelaksanaan dan keberkesanan sesebuah latihan adalah faktor reka bentuk latihan seperti jangka masa dan objektif kursus, penekanan kepada amali dan teori sahaja, kepakaran tenaga pengajar dan maklumbalas prestasi dan perubahan peserta setelah mengikuti latihan [11]. Faktor individu seperti motivasi peserta, keupayaan untuk memahami pelajaran yang diajar, perhatian diberikan semasa kursus berlangsung dan relevannya kursus yang diajar dengan minat dan bidang tugas mereka. Faktor yang mempengaruhi prestasi pembelajaran peserta kursus ialah motivasi untuk belajar, kemahiran komputer yang mencukupi, kandungan program latihan, hubungan dua hala antara pelatih dan jurulatih, mudah untuk digunakan dan akses, sokongan daripada jurulatih dan persekitaran pembelajaran konsisten dan manakala faktor yang mempengaruhi prestasi ialah motivasi pembelajaran, kandungan program latihan, sokongan jurulatih dan pencapaian pembelajaran.

Demikian juga dengan kajian Josephine Tai Yee Vui et. al. (2006), mereka telah melaksanakan kajian berkaitan penilaian pelaksanaan dan keberkesanan program latihan pengukuhan kemahiran bahasa Inggeris di dalam pengajaran sains dan teknologi berdasarkan persepsi pelatih yang dijalankan dalam kalangan staf akademik, Fakulti Pendidikan, UTM. Hasil kajian menunjukkan latihan tersebut berkesan dan dapat memenuhi kehendak pekerja dari aspek pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan kerja mereka. Selanjutnya, Tennant C (2002) dalam kajiannya terhadap syarikat-syarikat pengeluaran di United Kingdom untuk mengenal pasti halangan yang pra dominan terhadap pelaksanaan program latihan yang berkesan [12]. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan kebanyakan syarikat percaya bahawa program latihan dilaksanakan tidak memberi kesedaran secara sepenuhnya terhadap produktiviti yang tinggi, prestasi kerja semasa yang lebih baik dan peningkatan terhadap kualiti.

Mohd Farid Mohd Shahrhan (2015), merupakan salah seorang pegawai di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dalam kajiannya yang bertajuk Pendidikan Islam Sepanjang Hayat: Peranan Institusi, menjelaskan bahawa PISH bukan sekadar berperanan sebagai pemerksaan budaya ilmu dalam kalangan masyarakat malah ia juga penting dalam memperkukuhkan nilai dan jati diri masyarakat melalui Pendidikan Islam secara berterusan [13]. Bagi masyarakat Islam PISH akan memperkukuhkan lagi pembelajaran ilmu teras dalam masyarakat iaitu ilmu fardhu ain dan ilmu fardhu kifayah. Antara usaha yang dilaksanakan oleh IKIM dalam memperkukuhkan PISH ialah menjalankan seminar, persidangan meja bulat, bengkel-bengkel kemahiran, program kerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) dan jabatan-jabatan agama serta menganjurkan dialog antara agama. Dalam pada itu, Musa Ahmad (2015) dalam kajiannya berkaitan pemerksaan Persatuan Madrasah Tahfiz Malaysia (Permata Al Quran) ke arah merealisasikan Dasar Pendidikan Islam Sepanjang Hayat. Beliau menyarankan Madrasah Tahfiz mengadakan kerjasama dengan dengan kolej komuniti untuk melaksanakan kursus-kursus kemahiran dan keusahawanan. Disamping itu juga mengadakan kolaborasi dan perkongsian pintar dengan agen-agen pelaksana PISH lain untuk memperkaya bakat dan potensi pelajar-pelajar tahfiz itu sendiri [14].

Hasbullah L. Isa (2015) dalam kajiannya juga dalah berkaitan dengan kerjasama PERKIM dengan Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti menjelaskan peluang mengikuti latihan di kolej komuniti yang terdapat di seluruh Malaysia dengan menawarkan pelbagai kursus dengan kos yang minima sewajarnya direbut oleh seluruh warga PERKIM untuk meningkatkan keupayaan modal insan umat Islam [15]. Terdapat 16246 wanita PERKIM di Malaysia boleh mempunyai masa untuk mengikuti kursus-kursus yang bermanfaat dan menjana ekonomi keluarga seperti kursus masakan, katering, menjahit, pertanian dan sebagainya. Harapan kerjasama pintar dengan kolej komuniti melalui PISH ini agar dapat mencapai matlamat untuk merapatkan ukhuwah, memperkayakan bakat dan modal insan serta melestarikan ummah dalam kalangan warga PERKIM.

Dalam pada itu, Noor Lisa Rahmat (2015) dalam kajiannya adalah mengenai pelaksanaan program PISH di Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia di bawah Kementerian Sumber Manusia. Antara cabaran yang dihadapi adalah tahap kefahaman agama yang rendah, menukar persepsi pelajar aliran teknikal dan vokasional tentang kepentingan kemahiran Islam dalam menjalani kehidupan seharian [16]. Beberapa strategi telah dikenalpasti dalam menarik minat pelajar dalam program keagamaan antaranya komitmen pengurusan dalam menyediakan slot-slot agama yang bersesuaian, topik yang dekat pelajar dan langkah mendekati pelajar dengan bimbingan penuh kasih sayang. Natijahnya, berdasarkan kajian-kajian lepas berkaitan latihan, pengkaji menilai prestasi pelatih sebelum dan selepas menjalani latihan. Dalam kajian ini, pengkaji menfokuskan sorotan literatur mengenai pelaksanaan kursus PISH yang dijalankan oleh kolej komuniti dan peranan kursus berkenaan terhadap masyarakat di Malaysia

### **3. METODOLOGI KAJIAN**

Tumpuan kajian adalah mengenai sorotan pelaksanaan program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat. Kajian ini dilakukan menggunakan bahan sekunder iaitu mencari rujukan daripada bahan ilmiah, hasil penyelidikan, sumber laporan, prosiding dan sebagainya. Data-data yang diperolehi dikumpul dan diolah secara terperinci dan bersesuaian dengan tajuk kajian. Penyediaan kertas kajian ini pula, pengkaji hanya memilih untuk melakukan penelitian secara konseptualisasi agar penulisan yang dihasilkan lebih berkualiti.

### **4. DAPATAN KAJIAN DAN PERBICANGAN**

#### **Pendidikan Islam Sepanjang Hayat**

Kursus Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) adalah sebahagian daripada kursus pendek pembelajaran sepanjang hayat yang dilaksanakan di kolej komuniti mulai tahun 2014. Kursus ini merupakan satu usaha dan inisiatif yang menggabungkan latihan kemahiran dan pendidikan agama demi membentuk masyarakat yang berilmu, mempunyai nilai, beriman dan bertakwa yang menjamin kesejahteraan. PISH menggabungkan konsep ukhrawi dan duniawi. Bagi konsep ukhrawi, PISH memberi kesinambungan Pendidikan Islam yang berterusan kepada komuniti setempat seperti golongan lepasan sekolah menengah, belia tercicir dan pelajar. Manakala konsep duniawi pula, PISH memberikan ilmu kemahiran dan keusahawanan kepada pelajar institusi agama seperti tahfiz, pelajar sekolah pondok, pelajar maahad, belia dan komuniti (Yufiza Mohd Yusof, 2016). Menurut Mohd Zainudin Esin (2014), program PISH secara tidak langsung telah melestarikan Pendidikan Islam dengan membina hubungan dan merapatkan ukhwah sesama umat Islam dan penganut agama lain bagi mengekalkan keamanan sejagat. Terdapat tiga fasa dan dua kategori pelaksanaan Pendidikan Islam Sepanjang Hayat. Rajah 3 dan 4 menggambar tiga fasa tersebut yang bermula pada tahun 2014 hingga tahun 2025 yang terdiri dua kategori program PISH seperti di bawah.

<b>FASA 1</b> <b>2014 -2015</b>	<b>FASA 2</b> <b>2016-2020</b>	<b>FASA 3</b> <b>2021-2025</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Membina hubungan dan merapatkan ukhuwah.</b></li> <li>• Kolaborasi antara Jabatan/Bahagian/Agensi/ILK /IPT</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Memperkayakan bakat insan.</b></li> <li>• Program berbentuk <i>joint certification</i>.</li> <li>• Program <i>non-formal</i> berkonsepkan majjanaan wa sahlah (<i>free dan easy at Community College</i>).</li> <li>• Program Pembelajaran kontemporari yang menjurus kepada aspek fardhu kifayah.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Melestarikan ummah</b></li> <li>• Melahirkan warganegara yang seimbang dari aspek ukhrawi dan duniawi</li> </ul>

**Rajah 3: Fasa Pelaksanaan program PISH.**

Sumber: Yufiza Mohd Yusof (2016)



**Rajah 4: Kategori Program PISH**

Sumber: Yufiza Mohd Yusof (2016)

### **Kluster Pelaksanaan Kursus Pendek Pembelajaran Sepanjang Hayat Di Kolej Komuniti**

Kursus jangka masa pendek pembelajaran sepanjang hayat merupakan salah satu kursus yang terdapat bagi setiap kolej komuniti di Malaysia. Peserta kursus yang menamatkan kursus ini akan dianugerahkan sijil oleh kolej komuniti. Terdapat empat kluster di bawah Pendidikan Tinggi. Kolej komuniti melaksanakan PSH di bawah kluster dua dan kluster tiga.



**Jadual 2: Kluster PSH di bawah pendidikan tinggi di Malaysia**

Kluster 1	Kluster 2	Kluster 3	Kluster 4
Program Pengajian Separa Masa di peringkat sijil, diploma, ijazah dan ijazah lanjutan termasuk e learning	Program Pengajian berbentuk teknikal dan kemahiran tidak lebih dari enam bulan.	Program Pengajian untuk peningkatan ilmu dan kemahiran bagi pembangunan diri.	Program Pengajian sepenhul masa di peringkat sijil, diploma, ijazah, ijazah lanjutan bagi pelajar matang.
Contoh: Program PPJJ USM	Contoh: Sijil Modular Kebangsaan yang ditawarkan oleh kolej komuniti.	Contoh: Kelas jahitan dan masakan	Contoh: Program Sarjana Muda di IPTA

Sumber: Buku Panduan Pembelajaran Sepanjang Hayat

Pelaksanaan PISH di kolej komuniti pula merupakan program kemahiran dan keusahawanan berbentuk modular yang tempohnya tidak melebihi enam bulan dan program peningkatan kemahiran melalui kursus pendek yang tempoh minima pelaksanaannya ialah lima jam. Sejak program PISH ini diperkenalkan pada tahun 2014 di kolej komuniti, program ini berjaya menarik minat komuniti setempat terutamanya pelajar dari institusi tahfiz dan pondok untuk mendalami ilmu kemahiran dan keusahawanan. Jadual 3 dan 4 menunjukkan program yang dianjurkan oleh kolej komuniti serta penyertaan dalam kalangan pelajar institusi tahfiz dan pondok:

**Jadual 3: Program PISH pelajar institusi tahfiz dan pondok anjuran kolej komuniti.**

BI L	KLUSTER KEMAHIRAN	BIDANG	JUMLAH PENYERTAAN		
			2014	2015	2016
1	Akuakultur		0	26	0
2	Bahasa		22	124	36
3	Bangunan		0	0	0
4	Elektrik dan Elektronik		0	105	11
5	Grafik dan Multimedia		0	55	20
6	Hospitaliti dan Pelancongan		46	0	0
7	Jahitan dan Pakaian		34	256	192
8	Katering dan Sajian		24	450	503
9	Kecantikan dan Dandan		0	0	0

10	Kenderaan dan Automotif	35	37	0
11	Keseniaan dan Kebudayaan	0	0	0
12	Komputer dan Teknologi Maklumat	184	338	232
13	Kraftangan dan Hiasan Dalaman	10	0	0
14	Pembangunan Diri / Motivasi	19	0	0
15	Perniagaan dan Keusahawanan	40	0	0
16	Program Industri	0	0	29
17	Sains dan Matematik	0	0	0
18	Sains Kesihatan	19	0	129
19	Seni Kreatif	0	0	0
20	Teknologi Agro	0	50	0
21	Teknologi	0	0	0
<b>JUMLAH</b>		433	1490	1202

Sumber: Kementerian Pendidikan Tinggi (2017)

### **PESERTA KURSUS PENDIDIKAN ISLAM SEPANJANG HAYAT**

Peserta Kursus PISH di kolej komuniti adalah merujuk kepada peserta yang mengikuti kursus kemahiran, keusahawanan dan pendidikan Islam yang berumur dari 15 tahun ke atas dari institusi tahfiz, pondok, agensi agama dan masyarakat setempat (Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti, 2017).

### **PETUNJUK PRESTASI UTAMA PSH DAN PISH**

Berdasarkan Panduan Pelaksanaan PSH Edisi 2017 ditetapkan petunjuk prestasi utama atau key performance index (KPI) pembelajaran sepanjang hayat kepada semua pensyarah di kolej komuniti. Dengan adanya KPI ini pelaksanaan kursus pendek pembelajaran sepanjang hayat adalah termasuk dalam tugas utama sebagai pensyarah di kolej komuniti. Rajah berikut menjelaskan tentang petunjuk prestasi utama yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti

**Jadual 5: Petunjuk Prestasi Utama (Key Performance Index KPI) PSH**

KPI	KETERANGAN	PUNCA KUASA
KPI PSH Kolej Komuniti (bergantung kepada bilangan pensyarah)	Contoh :	
i)	9 pensyarah X 90 peserta =	Mesyuarat Perancangan Teknikal Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti Bilangan 2/2016 bertarikh 1 hingga 3 November 2016.
ii) 90 peserta bagi setiap pensyarah	810 peserta	
iii)	KPI PSH Kolej Komuniti	
iv) 78 jam mengurus dan mengajar.	ialah 810 peserta	
	Contoh :	
KPI PISH Kolej Komuniti	10% X 810 peserta = 81 peserta	Mesyuarat Pengurusan Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti Bilangan 7/2017 bertarikh 12 September 2017.
10% daripada KPI PSH Kolej Komuniti.	KPI PISH Kolej Komuniti ialah 81 peserta.	

## 5. KESIMPULAN

Kejayaan sistem Pendidikan Islam di Malaysia bukanlah tugas Kementerian Pendidikan Malaysia semata-mata sebaliknya perlu disokong oleh semua pihak yang mahukan pendidikan Islam dilaksanakan dengan lebih cemerlang dan dapat melahirkan bakal-bakal cendekiawan, usahawan dan teknokrat Muslim yang *mutadayyin* pada masa hadapan. NGO-NGO muslim juga perlu mengambil bahagian dalam memberi input yang positif ke arah memartabatkan Pendidikan Islam dalam sistem pendidikan kebangsaan. Semua pihak perlu berganding bahu ke arah memartabatkan Pendidikan Islam. Bak kata pepatah, yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing.

## Penghargaan

Penulis mengucapkan terima kasih kepada Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) atas dukungannya sehingga tulisan ini dapat diterbitkan

## Rujukan

- [1] Kementerian Pendidikan Tinggi. (2017). Pelan Induk Pendidikan Islam Sepanjang Hayat 2017-2025. Edisi 2017.
- [2] Kementerian Pendidikan Malaysia (2015). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).
- [3] Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti. (2017). Web Rasmi. from <http://www.jpkk.edu.my/>

- [4] Abdul Ghafar Haji Don, Ab. Halim Tamuri, Supyan Hussin & Mohd Aderi Che Noh. (2015). Penilaian Keberkesanan Kursus Pusat Latihan Pengurusan Pendidikan Islam Institut Latihan Dan Dakwah Selangor (ILDAS). *Jurnal Kepimpinan Pendidikan* 2015. Universiti Malaya.
- [5] Thilagavathi a/p Malayandy, Siti Nur Haslinda Damanhuri. (2015). Kajian Terhadap Kepuasan Peserta Kursus Pendek Kluster Katering dan Sajian di Kolej Komuniti Lahad Datu. *Jurnal Pembelajaran Sepanjang Hayat* 2015. Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti.
- [6] Adi Faiz Ramlan, Fadil Aziz, Hafizullah Samsudin. (2015). Tinjauan Pelaksanaan Kursus Pendek Pembelajaran Sepanjang Hayat di Kolej Komuniti Betong. *Jurnal Pembelajaran Sepanjang Hayat* 2015. Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti.
- [7] Liu Tse Hui, Lenyy Lai Mei Lan, Anum Bazilla Khairul Anwar. (2015). Persepsi Pelatih: Kajian Keberkesanan Program Kursus Pendek Bermodular di Taman Sri Puteri. *Jurnal Pembelajaran Sepanjang Hayat* 2015. Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti.
- [8] Ikhsan, M. N., Md A.P., & NurShahida. (2012). Kesediaan pensyarah terhadap pelaksanaan pembelajaran sepanjang hayat melalui kursus jangka pendek di kolej komuniti. *Persidangan Kebangsaan Penyelidikan dan Inovasi Dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional CIE-TVTV* 2012. Dilayari Februari 2020 daripada [http://eprints.uthm.edu.my/3368/1/Kesediaan\\_Pensyarah\\_Terhadap\\_Pelaksanaan\\_Pembelajaran.pdf](http://eprints.uthm.edu.my/3368/1/Kesediaan_Pensyarah_Terhadap_Pelaksanaan_Pembelajaran.pdf)
- [9] Abdul Rahman Abdul Ghani. (2014). Keberkesanan Program Pusat Islam dalam Membentuk Sahsiah Pelajar: Kajian Perbandingan Antara UPSI dan UKM. *Jurnal Perspektif* Jil. 6 Bil (81-95). Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- [10] Siti Norbaini Abdul Halim. (2015). Faktor Kegagalan Latihan dalam Organisasi. Universiti Malaysia Sarawak. Projek Sarjana Muda.
- [11] Mohd Faizal Mohd Isa, Wan Shazikah Wan Mohd Noor & Zulkiflee Daud. (2013). Faktor Jurulatih Mempengaruhi Keberkesanan Latihan: Satu Kajian Empirikal Di Jabatan Meteorologi Malaysia. In: *Conference on Business Management Research 2013*, 11 Disember 2013, EDC, Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- [12] Tennant C et. al. (2002). The Design of a Training Programme Measurement Model. *Journal of European Industrial Training* Vol 26/5 p 230-240.
- [13] Mohd Farid Mohd Shahrin. (2015). Pendidikan Islam Sepanjang Hayat: Peranan Institusi. *Prosiding Seminar Pendidikan Islam Sepanjang Hayat Peringkat Nasional* 2015, Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti 2015.
- [14] Musa Ahmad. (2015). Pemerkasaan Persatuan Madrasah Tahfiz Malaysia (Permata Al Quran) Ke Arah Merealisasikan Dasar Pendidikan Islam Sepanjang Hayat. *Prosiding Seminar Pendidikan Islam Sepanjang Hayat Peringkat Nasional* 2015, Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti 2015.
- [15] Hasbullah L. Isa. (2015). Kerjasama PERKIM dengan Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti (JPKK) dalam Menerapkan Program Pembelajaran Islam Sepanjang Hayat. *Prosiding Seminar Pendidikan Islam Sepanjang Hayat Peringkat Nasional* 2015, Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti 2015.
- [16] Nor Lisa Rahmat. (2015). Merapatkan Ukhuwah, Memperkayakan Bakat Insan dan Melestarikan Ummah. *Prosiding Seminar Pendidikan Islam Sepanjang Hayat Peringkat Nasional* 2015, Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti 2015.